

21 NOV 2002

ARTWRIGHT-STRATEGI/I

ARTWRIGHT MAHU PULIH SEMULA PELAN PEMASARAN

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) - Dengan penyiapan penyusunan semulanya, Artwright Holdings Bhd kini berada di kedudukan terbaik untuk melaksanakan strategi-strategi yang terpaksa ditangguhkan sejak krisis kewangan Asia 1997, kata pengerusinya Mirzan Mahathir.

Antara strategi-strategi ini termasuklah penggunaan sepenuhnya e-dagang dan pengurusan pengetahuan, katanya dalam penyata tahunan terbarunya kepada pemegang saham.

Beliau berkata Artwright komited untuk melaksanakan penambahbaikan dalam kecekapan dan daya saing menerusi proses perniagaan bagi menyediakan kepada pasaran yang lebih luas.

Usaha-usaha syarikat produk dalaman pejabat itu sebelum ini terhadap proses keberkesanan dan kecekapan termasuklah persijilan ISO 9002 dan pelaksanaan enterpris SAP R/3.

Mirzan berkata peningkatan berterusan bagi bekalan pengurusan rantai dan pengurusan hubungan pelanggan akan dicapai menerusi pengukuhan dalam tenaga kerjanya, proses dan prasarana IT.

Tumpuan Artwright adalah bagi peletakan jenama manakala penyelidikan dan pembangunan serta produk inovatif yang diperkenalkan pada tahun kewangan sebelumnya telah meningkatkan daya tahan perolehan kumpulan.

Beliau berkata perancangan Artwright bagi pengenalan produk baru untuk tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun, 2003, kelihatan utuh.

Sepanjang tahun kewangan lalu, Artwright berjaya menyelesaikan penyusunan semula hutang korporatnya dan juga menjalin kerjasama strategik dengan syarikat perabot pejabat terbesar di dunia, Steelcase Inc. USA.

Kerjasama strategik itu merupakan satu bentuk usaha sama pembuatan serta perjanjian pengedaran.

Dengan penyelesaian kedua-dua urusan itu, Mirzan melahirkan keyakinan bahawa Artwright akan sekali lagi berada di landasan pertumbuhan dan tenaga kerjanya, pasukan pengurusan kini boleh "mengalihkan tumpuan mereka kembali kepada kecekapan teras kami."

Artwright berjaya pulih semula dengan mencatatkan keuntungan bersih selepas cukai sebanyak RM18.5 juta bagi tahun kewangan yang berakhir pada 30 Jun, 2002 berbanding kerugian bersih selepas cukai RM9.5 juta sebelumnya.

Aset bersih meningkat kepada RM21.3 juta daripada liabiliti bersih RM12.6 juta manakala aset ketara bersih naik kepada RM16.0 juta daripada liabiliti ketara bersih RM18.3 juta.

Perolehan Artwright masih bertahan meskipun turun sedikit kepada RM32.6 juta kali ini daripada RM39.2 juta sebelumnya.

Mengulas prestasi Artwright, Mirzan berkata keadaan ekonomi global dan tempatan yang lemah akibat daripada kesan serangan 11 Sept dan skandal perakaunan di AS telah menjejaskan pasaran syarikat.

"Bagaimanapun, keyakinan kembali semula ke pasaran rantau kita bagi produk dalaman pejabat, walaupun tinjauan industri dan ekonomi global terus sukar dan tidak menentu," katanya.

Artwright telahpun mengedar kira-kira 60 peratus daripada produk syarikat menerusi rangkaian pengedaran antarabangnya. Ia mempunyai bilik pameran dan wakil pengedar di lebih 25 negara di seluruh dunia. -- BERNAMA

MAG SHY ZK